

# Info ICT

MAKLUMAT DI HUJUNG JARI

LAYARI





MELALUI KDNMAIL



## Zimbra Social

- Jimat masa apabila menguruskan jaringan sosial (*social networks*) seperti Facebook menggunakan salah satu *features* terkini dari Zimbra.
- Boleh dilakukan di mana-mana sahaja menggunakan mana-mana komputer yang mempunyai jaringan Internet.

## Langkah-langkah Akses Facebook Menggunakan KDNMail

1. Klik butang  pada *New Application Tabs*.
2. Klik butang **OK** apabila *Zimbra Social box* dipaparkan.
3. Klik pada  pada *Panel Overview* di sebelah kiri.
4. Klik butang  apabila *Add/Remove Accounts box* dipaparkan.
5. Klik butang  apabila *Add Facebook Account box* dipaparkan.
6. Masukkan maklumat account Facebook seperti **Alamat Emel** dan **Kata Laluan** dan klik butang .
7. Maklumbalas “**Success**” akan dipaparkan.
8. Seterusnya, klik butang  apabila kembali ke paparan *Add/Remove Accounts box*.
9. Klik **OK** untuk tutup paparan “*You may close this window and return to the application*”.
10. Akaun Facebook anda telah berjaya dikemaskini dan boleh mula menggunakan *features Social Network Facebook* menerusi KDNMail.

Ada sesetengah orang mengambil mudah dengan menampal maklumat sulit - seperti login dan kata laluan (*password*) - di monitor PC, menggunakan nota berpelekat. Kecuaian seperti ini sebenarnya mendedahkan maklumat sulit itu kepada sesiapa sahaja yang melihatnya. Sesiapa sahaja boleh menyamar (dengan menggunakan kata laluan itu) untuk mengakses PC, rangkaian, atau sumber lain yang dibenarkan. Ini telah melanggar aspek keselamatan dan mencuri indentiti orang lain boleh dianggap satu jenayah.



## Tahukah anda ?

- Kata laluan yang lemah (mudah diteka, berulang atau secara berturutan) mengambil masa yang singkat untuk "memecahkannya".
- Kajian menunjukkan:
  - Panjang Kata laluan yang kurang daripada 5 aksara boleh dipecahkan dalam tempoh **5 saat**.
  - Panjang Kata laluan yang kurang daripada 7 aksara boleh dipecahkan dalam tempoh **1 hari**.
  - Panjang Kata laluan yang melebihi 9 aksara, untuk memecahkannya mengambil masa **ratusan tahun**.

Sumber Rujukan: <http://www.toplinestrategies.com/cloudhead/security/how-much-time-is-needed-to-crack-a-password-by-brute-force/>



## Membina Kata Laluan Yang Kukuh

1. Kata laluan anda patut memiliki panjang sekurang-kurangnya lapan atau sembilan aksara.
2. Mengandungi campuran aksara "*alpha numerical*" yang meliputi huruf kecil dan besar selain aksara khas seperti !#%\$&.
3. Menggantikan nombor dengan huruf yang menyerupai. Contoh, nombor "5" mirip "S", "2" boleh menyerupai "Z" dan "3" berbentuk "E" terbalik.
4. Gantikan huruf/nombor dengan aksara khas. Contoh, huruf besar "S" dengan tanda "\$" dan huruf "l" atau "I" dengan tanda "!".
5. Mencipta kata laluan berdasarkan perkataan atau frasa mudah yang dirasakan relevan. Contoh, tajuk sebuah filem "The War at Home", anda boleh mencipta kata laluan seperti "War@H0m3".
6. Sebagai langkah berjaga-jaga, anda boleh menukar kata laluan tersebut dalam tempoh tertentu seperti 90 hari.

Rujukan: <http://www.cgso.gov.my/~cgso/portal/index.php/en/article/83-artikel-mencipta-dan-menjaga-katalaluan.html>

# Kursus ICT Untuk Warga KDN



## Sesi kursus yang ditawarkan bagi bulan Mac dan April 2012

Tarikh	Kursus ICT
12 - 13 Mac 2012	Microsoft Word 2007 ( <i>Intermediate &amp; Advance</i> )
14 - 16 Mac 2012	Asas-Asas Baik Pulih Komputer
2 - 3 April 2012	Microsoft Excel 2007 ( <i>Intermediate &amp; Advance</i> )
4 - 5 April 2012	Microsoft Excel 2007 ( <i>Basic &amp; Intermediate</i> ) – Zon Timur
8 - 10 April 2012	Asas-Asas Baik Pulih Komputer – Zon Timur
25 - 26 April 2012	E-Mel Zimbra ( <i>Intermediate &amp; Advance</i> )

**Jom sertai kami !!!**

# PROGRAM ICT HIJAU

## Tahukah Anda ?

- Kerajaan telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau pada Ogos 2009.
- Strategi ke-4 Dasar Teknologi Hijau adalah berkaitan dengan ICT.



**P**embudayaan ICT Hijau adalah amat penting sebagai usaha menyokong pemuliharaan alam sekitar dan Dasar Teknologi Hijau Negara. Berikut disertakan beberapa panduan berkenaan penggunaan ICT Hijau yang boleh dilaksanakan oleh Warga KDN:

- Memastikan komputer ditutup dan suis dimatikan serta plug dicabut dari soket elektrik apabila tidak digunakan untuk jangka masa lama. Ini untuk mengelakkan arus elektrik masih aktif dalam sistem pendawaian menerusi plug komputer yang tidak dimatikan dan dicabut.
- Penggunaan *screen saver* adalah perlu dielakkan. Ini kerana penggunaan *screen saver* akan menggunakan jumlah tenaga yang sama dengan penggunaan skrin aktif yang mana ia juga melibatkan penggunaan RAM.
- Memastikan monitor dalam keadaan *standby / hibernate* selepas 5 - 15 minit tidak aktif.
- Memastikan kemudahan *power management* untuk komputer peribadi dan komputer riba diaktifkan.
- Mengoptimalkan penggunaan kertas menerusi penggunaan kertas guna-semula, mencetak kedua-dua halaman kertas.
- Mengurangkan kualiti cetakan seperti penggunaan skel kelabu (*grey*) atau mengurangkan pencetakan warna.



Save a tree.  
Please don't print this e-mail unless it's necessary.